

ENAKMEN TENAGA BOLEH BAHARU SABAH 2024

PERINTAH TENAGA BOLEH BAHARU SABAH (FI PENTADBIRAN) 2024

SUSUNAN PERINTAH

*Perintah*

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Fi pentadbiran
3. Pembayaran fi pentadbiran
4. Pembayaran balik bayaran yang terlebih

---

**No. S 6**

[No. JPBN (S).600-1/4/2 klt.4

**ENAKMEN TENAGA BOLEH BAHARU SABAH 2024****PERINTAH TENAGA BOLEH BAHARU SABAH (FI PENTADBIRAN) 2024**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 22 Enakmen Tenaga Boleh Baharu Sabah 2024, Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Tenaga Boleh Baharu Sabah (Fi Pentadbiran) 2024.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 3 Januari 2024.

**Fi pentadbiran**

2. (1) Seseorang pemegang lesen pengagihan hendaklah dibayar fi pentadbiran di bawah perenggan 22(a) Enakmen yang dikira pada kadar dua peratus bagi setiap pembayaran yang dibuat di bawah kaedah 8 dan, jika terpakai, kaedah 10 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu Sabah (Mendapatkan Wang oleh Pemegang Lesen Pengagihan) 2024.

(2) Suruhanjaya hendaklah dibayar fi pentadbiran di bawah perenggan 22(b) Enakmen yang dikira pada kadar lima peratus bagi setiap pembayaran yang dibuat di bawah kaedah 8 dan, jika terpakai, kaedah 10 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu Sabah (Mendapatkan Wang oleh Pemegang Lesen Pengagihan) 2024.

**Pembayaran fi pentadbiran**

3. (1) Fi pentadbiran yang disebut dalam subperenggan 2(1) dan (2) hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang dan dibayar kepada pemegang lesen pengagihan dan Suruhanjaya secara bersama dengan setiap pembayaran yang dibuat di bawah kaedah 8 dan, jika terpakai, kaedah 10 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu Sabah (Mendapatkan Wang oleh Pemegang Lesen Pengagihan) 2024.

(2) Fi pentadbiran yang disebut dalam subperenggan 2(2) hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu yang ditubuhkan di bawah Enakmen Tenaga Boleh Baharu Sabah 2024.

### **Pembayaran balik bayaran yang terlebih**

4. (1) Jika seorang pemegang lesen pengagihan menerima suatu pemberitahuan tentang bayaran yang terlebih di bawah kaedah 9, atau suatu notis bertulis tentang bayaran yang terlebih di bawah subkaedah 5(6) yang pemegang lesen pengagihan itu dikehendaki untuk membayar balik jumlah yang terlebih dinyatakan itu kepada Suruhanjaya di bawah subperenggan 5(7)(b)(ii) Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu Sabah (Mendapatkan Wang oleh Pemegang Lesen Pengagihan) 2024 —

- (a) pemegang lesen pengagihan itu hendaklah membayar balik fi pentadbiran kepada Kumpulan Wang yang dikira pada kadar dua peratus daripada jumlah bayaran yang terlebih itu; dan
- (b) Suruhanjaya hendaklah membayar balik fi pentadbiran kepada Kumpulan Wang yang dikira pada kadar lima peratus daripada jumlah bayaran yang terlebih itu.

(2) Fi pentadbiran yang dibayar balik di bawah subperenggan (1) hendaklah dibayar balik kepada Kumpulan Wang tanpa apa-apa faedah dan tidak lewat daripada tiga puluh hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan atau notis bertulis yang disebut dalam subperenggan (1).

(3) Seseorang pemegang lesen pengagihan yang tidak mematuhi subsubperenggan (1)(a) dan subperenggan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Dibuat pada 3 Januari 2024.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJI BIN HAJI NOOR,  
*Ketua Menteri Sabah.*